

Unsur Tarbiah dalam Novel Bumi Cinta karya Habiburrahman El Syirazi

The Element of Education in the Novel Bumi Cinta by Habiburrahman El Syirazi

Faizah Hasan^{*}, Azhar Muhammad

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan,
Beg Berkunci No. 1, 16300, 16300 Bachok, Kelantan, Malaysia

**Corresponding author: faizahhasan5146@gmail.com*

Received: 11 Jun. 2024; **Revised:** 17 April 2025; **Accepted:** 22 April 2025; **Published:** 30 June 2025

To cite this article (APA): Hasan, F. ., & Muhammad, A. . (2025). Unsur Tarbiah dalam Novel Bumi Cinta karya Habiburrahman El Syirazi. *PENDETA*, 16(1), 43-59. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.1.5.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.1.5.2025>

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan untuk meneliti unsur tarbiah yang terdapat dalam Novel Bumi Cinta hasil karya Habiburrahman El Syirazi. Melalui kajian ini, penelitian difokuskan untuk mengenal pasti unsur tarbiah dalam novel dan menganalisis serta merumus unsur tersebut berdasarkan Teori Takmilah. Seterusnya, kajian ini juga menggunakan kaedah kajian kepustakaan (*library research*) dengan mengemukakan unsur tarbiah iman. Dalam hal ini, tarbiah iman ini telah dibincangkan dan dipecahkan mengikut tujuh prinsip Teori Takmilah iaitu ketuhanan di bawah konsep hubungan manusia dengan Allah, sementara kerasulan, keislaman, keilmuan, karya, pengkarya dan khalayak di bawah konsep hubungan manusia dengan manusia. Hasil penelitian mendapati bahawa tarbiah iman yang dibincangkan mendominasi keseluruhan isi kandungan novel Bumi Cinta. Melalui penelitian ini juga, novel Bumi Cinta menepati kriteria yang dikaji dan memenuhi tujuh prinsip Teori Takmilah iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat *Kamal* (sempurna), prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil* (sempurna), prinsip keislaman yang bersifat *Akmal* (sempurna), prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat *Takmilah* (menyempurnakan), prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat *Takmilah* (sempurna dan menyempurnakan), prinsip pada pengkarya yang seharusnya *mengistimalkan* diri (menyempurnakan) dan prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan *Kamil* (sempurna).

Kata kunci: Tarbiah; iman; ilmu; moral; insan kamil

ABSTRACT

This study was conducted to examine the educational elements found in the novel Bumi Cinta by Habiburrahman El Syirazi. Through this study, the research is focused on identifying tarbiah elements in the novel and analyzing and formulating those elements based on Takmilah Theory. Next, this study also uses the method of library research (*library research*) by presenting elements of faith education. In this regard, the education of this faith has been discussed and broken down according to the seven principles of Takmilah Theory which is divinity under the concept of human relationship with God, while apostolate, Islam, knowledge, works, artists and audience under the concept of human relationship with human. The results of the research found that the education of faith discussed dominates the entire content of the novel Bumi Cinta. Through this research as well, the novel Bumi Cinta meets the criteria studied and fulfills the seven principles of the Takmilah Theory, namely the principle of divinity which is *Kamal* (perfect), the principle of apostolate as a person *Kamil* (perfect), the principle of Islam which is *Akmal* (perfect), the principle of knowledge and literature which is *Takmilah* (perfecting), the literary principle itself which has aesthetic characteristics and is *Takmilah* (perfect and complete), the principle on the artist who should perfect himself (perfect) and the principle of the audience aimed at nurturing them towards the *Kamil* (perfect) person.

Keywords: education; faith; knowledge; morals; perfect person

PENGENALAN

Tarbiah atau pendidikan merupakan satu asas penting yang berkait rapat dengan aspek kehidupan berasaskan ajaran Islam (Mansor Sulaiman, 2016). Hal ini demikian kerana, tarbiah merupakan salah satu instrumen dalam menentukan tahap pawaian keperibadian seseorang individu sama ada terdidik secara berautonomi atau tidak. Dalam konteks ini, tarbiah juga menjadi satu indikator secara tidak langsung terhadap nilai dan etika yang ditonjolkan oleh seseorang individu semasa berhubung dengan khalayak. Justeru, memmanifestasikan etika dalam keadaan tertentu menjadi satu penanda aras diri seseorang individu untuk dikategorikan sebagai individu beradab dan beretika tinggi adalah satu klasifikasi nilai berdasarkan landasan Islam (Muhamad Khadafi, 2015). Oleh itu, pola perubahan tingkah laku mencerminkan spektrum transformasi kerohanian yang memacu daya fikir seseorang ke arah pembentukan satu sikap yang positif berdasarkan nilai tarbiah yang diserap dan diterima sepanjang hidup bermasyarakat.

Dalam hal ini, tarbiah merupakan satu asas penting dalam pembangunan sesuatu tamadun yang wujud di dunia ini. Hal ini demikian kerana, proses sosialisasi manusia sebenarnya bergerak seiring dengan proses pendidikan itu sendiri. Keselarian ini telah mewujudkan satu sinergi padu antara manusia dengan pendidikan, seterusnya membentuk satu budaya khusus iaitu budaya ilmu yang melestarikan pemikiran manusia ke tahap mapan. Budaya ilmu inilah yang bertanggungjawab dalam mewujudkan aliran pemikiran dalam pelbagai disiplin ilmu pengetahuan yang sedia ada pada hari ini. Justeru, budaya ilmu yang lahir daripada tarbiah yang berkesan berupaya membentuk akhlak dan moral masyarakat secara langsung. Oleh itu, konsep ta'dib dalam pendidikan menjadi sangat penting memandangkan semakin terlihat “gejala keruntuhan akhlak dalam kalangan umat Islam bukan disebabkan mereka tidak mempunyai ilmu pengetahuan, tetapi kerana mereka telah kehilangan adab” (Ma'zumi, 2019).

Latar Belakang Kajian

Novel *Bumi Cinta* merupakan satu hasil penulisan kreatif yang ditulis oleh Habiburrahman El Shirazy dan diterbitkan pada tahun 2010 oleh Semarang Author Publishing. Novel yang sarat dengan falsafah dan konsep keilmuan ini telah mengangkat nilai serta etika keislaman secara jelas. Persoalan kehidupan yang dikemukakan telah mewujudkan nilai apresiasi terhadap unsur tarbiah secara tidak langsung. Justeru, unsur tarbiah yang mendasari sesebuah karya merupakan satu instrumen untuk mewujudkan manusia yang dominan dengan sifat insaniah. Dalam konteks ini, tarbiah atau pendidikan mempunyai kedudukan yang amat tinggi dalam Islam. Hal ini dapat dilihat melalui firman Allah SWT dalam Surah Al-'Ankabut (29) ayat 43:

*“Dan perumpamaan-perumpamaan ini kami buat untuk manusia, dan tiada yang memahaminya
kecuali orang-orang yang berilmu”*

(Mushaf An-Nur Al-Qura'nul Karim)

Berdasarkan firman Allah SWT, dapat difahami secara mendalam bahawa pendidikan merupakan satu asas penting dalam kehidupan dan pencorak masa depan sesuatu bangsa dan negara. Seterusnya, definisi tarbiah atau pendidikan ini juga difahami sebagai suatu usaha atau pelestarian yang akan terus berkembang secara dinamik selagi seseorang individu atau masyarakat itu wujud. Dalam konteks ini, pendidikan adalah sebahagian daripada budaya yang menentukan kejayaan tadbir urus sesuatu organisasi atau institusi penting dalam sesebuah negara dalam erti yang sebenar. Hal ini demikian kerana, aspek keilmuan yang menjadi asas dan inti pati dalam pendidikan merupakan satu isotropi yang tidak akan berubah fungsinya walaupun melangkaui zaman yang berlainan. Dalam hal ini, Ee Ah Meng (1994) telah menyatakan bahawa, “Pendidikan adalah suatu usaha yang berterusan, peringkat persekolahan hanyalah sebahagian awal dalam proses pendidikan”.

Sehubungan dengan itu, pendidikan merupakan suatu proses yang sentiasa berlangsung selagi manusia hidup dan bergerak seiring dengan masa. Justeru, pendidikan yang berkesan sebenarnya suatu elemen penting yang mampu merubah keupayaan minda dan emosi seseorang individu secara menyeluruh. Menurut Ayu Rifka Sitoresmi (2023), perkataan tarbiah berasal dari kata *Rabba-yarbū*, yang bermakna berkembang, *Rabia-yarbā* yang bermakna *nasya'ā*, *tara'rā-a*, artinya tumbuh dan

Rabba-yarubbu yang bermakna *aslahahu, tawalla amrahu*, yang ertinya memperbaiki, mengurus, memimpin, menjaga dan memeliharanya (atau mendidik). Dalam konteks ini, tarbiah ialah proses penjaan dan pemeliharaan fitrah manusia dalam mencapai objektif hidup dalam konteks yang sebenar. Menurut Mansor Sulaiman (2016), perkataan “tarbiah” berasal daripada perkataan *rabba* yang bermaksud menumbuh, mengembang, menambah kekuatan jasad dan akal.

Sementara perkataan “mentarbiah” atau “mendidik ialah memelihara dan memberi latihan (ajaran, tuntunan, pimpinan) mengenai akhlak dan kecerdasan fikiran” (Muh. Haras Rasyid, 2018). Manakala dari sudut istilah pula, tarbiah boleh difahami sebagai satu kaedah atau cara terbaik dalam aspek berkomunikasi khususnya yang menjurus ke arah pembentukan moral dan etika secara holistik. Dalam hal ini, secara falsafahnya menunjukkan bahawa proses pendidikan Islam adalah bersumber daripada pendidikan yang diberikan Allah sebagai “pendidik” seluruh ciptaan-Nya termasuk manusia (Tim Humas, 2022). Seterusnya, tarbiah juga merupakan proses pendidikan yang berusaha membentuk kesempurnaan pelajar. Dalam hal ini, “kesempurnaan yang dimaksudkan ialah berdasarkan perkataan *rabbaniyyin*, iaitu manusia yang selalu berhubung dengan Allah, berilmu, berhikmah dan berurusan dengan orang ramai, atau orang yang sempurna ilmu dan amalannya” (Nur’A, Sugianti, 2020).

Pemilihan *Novel Bumi Cinta* dalam kajian ini dilakukan kerana novel ini berupaya memikul gagasan ilmu dan moral yang menjadi elemen penting dalam wacana pendidikan. Hal ini demikian kerana, unsur tarbiah mendukung nilai moral dan ilmu secara menyeluruh, di samping mewujudkan nilai kesedaran pada tahap yang optimum. Dalam hal ini, H, Hamzah Ya’qub (1981) telah menjelaskan bahawa, tarbiah memainkan peranan penting dalam proses perkembangan manusia kerana tarbiah merupakan salah satu bentuk dakwah jangka panjang yang paling efektif di samping dapat menjadikan pendidikan itu sebagai alat atau saluran dakwah. Justeru, keupayaan *Novel Bumi Cinta* bukan terhenti sekadar bahan bacaan biasa, tetapi melangkaui tahap keilmuan untuk satu tempoh masa yang panjang. Situasi ini telah ditonjolkan melalui aspek penerangan tentang kalimah syahadah dalam sesi perbualan antara Dr. Anastasia Palazzo dengan Ayyas yang ditonjolkan melalui halaman 269 novel *Bumi Cinta*.

Di samping itu, kajian terhadap novel ini juga wajar dilakukan kerana inti pati yang terkandung dalam novel ini perlu diketengahkan secara khusus agar kedinamikan idea dan pengajaran menjadi rujukan pada masa akan datang. Justeru, proses pengembangan ilmu pengetahuan ini akan mewujudkan spektrum pemikiran khalayak secara konstruktif untuk meneroka pelbagai disiplin ilmu melalui novel tersebut. Dalam hal ini, novel ini bukanlah sekadar medium untuk berhibur tetapi suatu *platform* untuk meraih ilmu pengetahuan dalam erti kata yang sebenar. Oleh itu, pelaksanaan kajian ini perlu diteruskan untuk proses ekskavasi dan menggarap inti pati keilmuan yang terdapat dalam novel serta memanifestasikannya secara tersusun dan ilmiah (Asma Kholilah, 2016).

Latar Belakang Teori Takmilah

Teori Takmilah merupakan satu gagasan pemikiran yang dicetuskan oleh Shafie Abu Bakar dan memperkenalkannya sebagai sebuah teori Islam pada tahun 1993. Sebelum berdiri teguh sebagai sebuah teori yang mapan, Teori Takmilah telah melalui beberapa fasa dan peringkat penggunaannya sehingga teori ini dilegimitasikan menjadi sebuah teori yang kukuh. Dalam hal ini, Kamariah Kamarudin (2011) telah menjelaskan bahawa perkataan *Takmilah* berasal daripada akar kata “*Kamal* yang bertalian dengan *Tajmilah* dan *Jamal*”. Lanjutan daripada peristilahan itu, pada tahap pertama, Shafie Abu Bakar telah mengemukakan kertas kerjanya yang bertajuk “*Sastera Islam: Teori Pengindahan dan Penyempurnaan dalam Rangka Tauhid*”.

Seterusnya, kertas kerjanya yang bertajuk “*Teks Hadiqat al-Azhar wa al-Rahayyin: Sebagai Model Sastera Islam*” telah dibentangkan pada tahun 1993 dalam Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu III anjuran Jabatan Persuratan Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia merupakan titik tolak kepada penonjolan istilah *Takmilah* dalam erti kata yang sebenarnya. Beberapa gagasan baharu yang dikemukakan oleh Shafie Abu Bakar merupakan satu pengembangan teori yang tidak lagi dihadkan hanya dalam aspek sastera tetapi boleh dijadikan dasar penting dalam mengkonstruktifkan peradaban material (Shafie Abu Bakar, 2014). Dalam hal ini, Abdul Halim Ali (2014) telah menyatakan bahawa teori ini melihat karya sastera melalui tujuh prinsip asas iaitu:

- Pertama, prinsip ketuhanan yang bersifat sempurna (Kamal)
- Kedua, prinsip kerasulan sebagai insan sempurna (Kamil)
- Ketiga, prinsip keislaman yang bersifat paling sempurna (Akmal)
- Keempat, prinsip ilmu dan sastera yang saling menyempurnakan (Takamul)
- Kelima, prinsip sastera yang berciri estetik dan bersifat ke arah kesempurnaan (Takmilah)
- Keenam, prinsip pengarang yang harus menyempurnakan diri (Istikmal)
- Ketujuh, prinsip khalayak (pembaca) ke arah insan sempurna (Kamil)

Tarbiah Iman

Menurut Muh Dahlan Taib (2022), perkataan “iman” membawa maksud “memuliakan dan mempercayai”. Sementara Agus Hasan Mustofa (2020) mendefinisikan “iman” sebagai satu istilah “percaya” dan “membenarkan” iaitu membenarkan dengan hati, melafazkan dengan kata-kata, dan melaksanakan dengan amalan. Dalam konteks ini, iman merupakan salah satu konsep yang sangat penting dalam Islam. Hal ini demikian kerana, sebagai seorang muslim, memahami konsep keimanan secara mendalam merupakan satu asas penting dalam memperkuat keyakinan dan memperdalam hubungan dengan Allah SWT. Justeru, Sa'id Abu Ukkasyah (2023) telah mendefinisikan iman sebagai *al-iqrar 'anit-tashdiq* (pengakuan atas dasar membenarkan, mempercayai, dan meyakini). Dalam hal ini, Allah SWT telah berfirman dalam Surah Yusuf (12) ayat 17:

“Dan engkau tentu tidak akan percaya kepada kami, sekalipun kami berkata benar.”
(Mushaf An-Nur Al-Quranul Karim)

Dalam konteks kajian ini, tarbiah iman merupakan satu asas penting dalam mengolah isi kandungan novel dan penekanan diterapkan ke dalam pelbagai aspek. Antara penerapan tarbiah iman melalui kajian novel *Bumi Cinta* ialah peneguh jati diri, menundukkan hawa nafsu, berperibadi mulia dan keluhuran budi pekerti. Seterusnya aspek tarbiah iman juga dapat dilihat melalui konteks penyampaian ilmu yang benar, sifat takut kepada Allah SWT, menyeru kepada kebaikan serta menentang kemungkaran dan akhir sekali merangkumi aspek penjagaan diri iaitu penjagaan kesihatan. Dalam hal ini, iman dalam konteks tarbiah ialah suatu instrumen yang menjadi asas kepada pembentukan nilai moral yang hakiki. Sejalan dengan ini, Syed Muhammad Shahrizal (2017) telah menyatakan bahawa:

“Persoalan akhlak dan moral ada kaitannya dengan iman. Orang yang beriman kepada Allah ialah orang yang sentiasa takut untuk melakukan perbuatan yang terlarang di samping mengerjakan apa yang disuruh Allah. Iman ini harus dimiliki dan menjadi benteng penghalang pengaruh-pengaruh negatif. Orang yang beriman ialah orang yang berakhlak mulia (bermoral dan memiliki nilai murni)”

Sejalan dengan itu, aspek keimanan juga berkait rapat dengan kebitaraan pemikiran kerana akal dan minda mempunyai peranan besar dalam memperkukuh kebijaksanaan dan kecendekiaan seseorang individu (Rosnani Md Zain, 2019). Oleh itu, kemantapan peribadi dan pemikiran individu bermula daripada peneguhan iman yang menjadi asas penting dalam kehidupan. Dalam hal ini, peranan karya sastera sebagai media didaktik amat penting dalam aspek mentarbiah dan memberi pemahaman kepada masyarakat tentang disiplin ilmu yang wujud. serta menjadi inti pati dalam kehidupan seharian (Fathin Noor Ain Ramli, 2018). Di samping itu, karya sastera juga sarat dengan nilai kemanusiaan yang wajar dijadikan bahan rujukan dalam proses membentuk akhlak dan jati diri masyarakat khususnya (Muhd Nur Al-Hakim, 2021). Sehubungan dengan itu, akhlak merupakan satu sifat yang tinggi hierarkinya, iaitu bertitik tolak pada matlamat hidup di dunia dan di akhirat serta berfungsi sebagai pedoman utama bagi setiap muslim yang beriman (Siti Nur Anis Muhammad Apandi et al., 2022).

Sorotan Kajian Lepas

Teori Takmilah merupakan satu gagasan teori hasil daripada pemikiran unggul Shafie Abu Bakar dalam usaha memperkukuh dan memartabatkan nilai estetika kesusasteraan Melayu. Teori ini muncul sebagai sebuah teori sastera Islam yang terus kukuh sehingga kini dan menjadi sinergi khusus dalam disiplin

pengaplikasian analisis karya-karya kesusasteraan Melayu sama ada melalui puisi atau novel. Dalam hal ini, secara psikologinya Teori Takmilah merupakan satu asas yang menghubungkan antara khalayak pembaca dengan penulis secara khusus. Oleh itu, kebanyakan teori kesusasteraan memberikan perhatian kepada sifat khas kesusasteraan (Ann Jefferson, 1988), begitu juga dengan Teori Takmilah.

Dalam hal ini, kajian yang berteraskan keislaman merupakan satu tema yang cukup dominan untuk diaplikasikan dengan Teori Takmilah. Siti Nur Anis Muhammad Apandi et al. (2022) melalui kajiannya yang bertajuk *Pemaparan Jenis Akhlak melalui Kumpulan Puisi As-Salam Karya Suhaimi Haji Muhamad Berdasarkan Teori Takmilah* telah mendeskriptifkan bahawa pendekatan Teori Takmilah telah mengangkat sifat Kamal Allah SWT dengan prinsip-prinsip yang dinyatakan dan telah diaplikasikan sepenuhnya dalam kajian ini. Sejajar dengan itu, konsep tauhid yang menjadi tunjang dalam Teori Takmilah merupakan aspek terpenting untuk memahami ilmu-ilmu Islam.

Naratif pendidikan juga memainkan peranan penting dalam kehidupan kerana pendidikan merupakan satu asas sebelum terbentuknya keperluan-keperluan lain. Dalam hal ini, Muhammad Nur Al Hakim Mohamad Hanafiah (2020) melalui kajiannya yang bertajuk *Faktor dan Kesan Murad Masyarakat Melayu Menerusi Novel Tuhan Manusia Karya Faizal Tehrani: Satu Penelitian Takmilah* telah menyatakan bahawa kecemerlangan spiritual yang konstruktif merupakan satu benteng kukuh yang melestarikan kecendekiaan seseorang individu dalam pelbagai perspektif termasuk dalam aspek beragama.

Selain itu, situasi ini turut menjadi perhatian Muhammad Nur Al Hakim Mohamad Hanafiah (2021) melalui dua kajiannya iaitu *Penemuan Nilai-nilai Islam dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya dan Khalayak* dan juga *Nilai-nilai Kemanusiaan dalam Cerita Lisan Satu Penelitian Takmilah*. Melalui kedua-dua kajian ini, unsur pendidikan melalui nilai moral telah diketengahkan oleh pengkaji berdasarkan prinsip deduktif Teori Takmilah. Hal ini juga turut diakui oleh Zaidi Ahmad, Azhar Abd. Wahid dan Abd Halim Ali (2020) melalui kajian mereka yang bertajuk *Kerasulan Insan Kamil Membentuk Modal Insan dalam Novel Imam*.

Seterusnya, konsep-konsep keislaman turut dicungkil oleh Rosnani Ripin (2017) melalui kajiannya *Takmilah Novel Seteguh Fikrah Saleha, karya Aminah Mokhtar*. Melalui kajian ini, Teori Takmilah telah memanifestasikan konsep akidah, ibadah, dakwah, khalifah, dan jihad yang terdapat dalam novel secara tidak langsung. Dalam hal ini, penerapan prinsip Teori Takmilah yang digagaskan dalam kajian telah memfokuskan kepada konsep akidah dari sudut kepercayaan kepada Allah SWT serta konsep *hablun minallah wahaablun minannas*. Justeru, spektrum pemikiran Islam yang dominan dalam novel ini disinergikan dengan penerapan teori yang berautoriti berupaya menghasilkan satu dapatan yang konkrit.

Sejajar dengan itu, kepentingan hubungan tiga dimensi antara karya-pengkarya-khalayak dalam menyampaikan perutusan yang bermanfaat telah diutarakan oleh Mohd Faradi Mohamed Ghazali (2017). Melalui kajiannya yang bertajuk *Bumi Cinta: Sorotan Takmilah dalam Karya Tauhid*, aspek paparan watak, teknik pembinaan ayat, diksi, petikan surah daripada al-Quran, hadis serta kitab dan sebagainya merupakan medium penyampaian dakwah. Melalui kajian ini juga, konsep sastera Islam yang mendukung ajaran tauhid sangat bersesuaian dengan prinsip Teori Takmilah. Justeru, hubungan karya-pengkarya-khalayak merupakan satu paradigma ilmiah yang meneguhkan sistem ilmu dalam konteks yang lebih luas.

Amir Zaky Hamzah dan Che Abdullah Che Ya (2019) telah mengangkat persoalan Islam dalam beberapa amalan murni melalui kajian yang bertajuk "*Novel Ibnu Ahmad Al-Kurauwi: Manifestasi Hubungan antara Manusia dan Khalifah di Bumi Allah*". Melalui kajian ini, pengkaji meneliti peranan manusia sebagai khalifah di bumi Allah dan hubungannya sesama manusia serta hubungan dengan Allah SWT. Hadijah Johari et. Al (2019) telah mengaplikasikan Teori Takmilah melalui kajiannya yang bertajuk *Rawatan Infertiliti Patuh Maqasid Shariah dalam Novel Cinta In Vitro karya Nik Hazlina Nik Husein*". Melalui kajian ini, penganalisan novel dilakukan berdasarkan tujuh prinsip Teori Takmilah dengan berlandaskan aspek kepatuhan terhadap maqasid syariah. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa novel *Cinta In vitro* padat dengan nilai keagamaan di samping nilai ilmu yang komprehensif.

Sehubungan dengan itu, Teori Takmilah mempunyai autoriti yang teguh sebagai sebuah teori sastera Islam yang mampu menyokong perkembangan sastera Islam dalam konteks yang lebih luas. Berdasarkan kajian ini, Teori Takmilah merupakan medium penting yang berfungsi sebagai instrumen dalam proses penganalisan konsep tarbiah yang terdapat dalam kajian. Di samping menjadi asas kajian, teori ini juga diharap agar terus signifikan dengan konteks kajian yang dilakukan. Selaras dengan

itu, “cetusan ilham pemikir Islam ke arah memartabatkan teori sastera Islam mampu dijulung sebaris dengan teori-teori barat yang rancak digunakan dekad ini” (Syarifah Salha, 2019). Oleh itu, penonjolan aspek tarbiah yang terkandung dalam kajian ini telah didukung oleh kemantapan Teori Takmilah sehingga berupaya mencetuskan hubungan yang signifikan antara karya dengan khalayak pembaca. Di samping itu, peranan Teori Takmilah bukan hanya sekadar sebuah teori semata-mata, namun teori ini mampu mencungkil nilai iman yang menjadi dasar penting dalam aspek pembangunan manusia yang mendasari kajian ini.

METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kajian kepustakaan dengan memfokuskan kepada prosedur kajian yang berikut:

- a. Pendekatan Kajian:
Model pendekatan yang digunakan dalam kajian ini ialah pendekatan analisis teks, iaitu menganalisis dan mendeskriptif secara mendalam terhadap teks bercetak atau bertulis yang berkaitan dengan bidang kajian. Umumnya, bahan kajian ini merupakan instrumen yang dihasilkan oleh penulis berdasarkan bakat dan kepakarannya dalam bidang penulisan kreatif.
- b. Sumber Data:
 - i) Sumber data primer diperolehi secara langsung daripada novel yang dikaji iaitu novel *Bumi Cinta*.
 - ii) Sumber data sekunder diperolehi daripada artikel-artikel dan buku-buku yang berkaitan dengan bidang kajian di samping membuat rujukan berdasarkan nas daripada al-Quran untuk melengkapkan kajian. Nas daripada al-Quran telah digunakan berdasarkan pernyataan yang mendasari perbincangan novel yang dikaji. Contohnya, aspek tarbiah iman yang dibincangkan melalui *Prinsip Ketuhanan Bersifat Kamal* telah disokong oleh pengaplikasian Surah Attaubah ayat 62 yang dipetik daripada Mushaf An-Nur al-Qura'nul Karim.
- c. Fokus Kajian:
Kajian ini difokuskan kepada unsur tarbiah iman yang terdapat dalam Novel *Bumi Cinta* hasil karya Habiburrahman El Shirazy berdasarkan Teori Takmilah.
- d. Teknik Pengumpulan Data:
Pengumpulan data dilakukan dengan membuat penelitian terhadap unsur tarbiah iman yang terdapat dalam novel. Pengkajian ini dilakukan dengan memperincikan isi kandungan novel tersebut secara komprehensif. Justeru, data-data tersebut diteliti dengan menggunakan teknik analisis teks dalam perspektif tarbiah iman yang terkandung dalam novel tersebut.
- e. Analisis:
Penganalisan dilakukan melalui himpunan data yang diperolehi dan penelitian difokuskan menganalisis teks secara terperinci. Analisis kajian kualitatif dalam ruang lingkup analisis teks dikronologikan dengan aktiviti membaca secara konstruktif, mencatat (mengumpul data), mengenal pasti, menyusun dan menganalisis berdasarkan urutan yang bersesuaian dengan prinsip teori sehingga menghasilkan satu penyimpulan yang berautoriti. Dalam hal ini, kesesuaian teori dengan teks yang dikaji dapat mengelakkan dapatan kajian yang bersifat paradoksikal.

Penganalisan Novel *Bumi Cinta*

Dalam novel *Bumi Cinta* karya Habiburrahman El Shirazy terkandung unsur-unsur tarbiah yang dapat dilihat melalui sikap dan perbuatan serta teknik penceritaan yang disampaikan oleh penulisnya.

Manifestasi elemen tersebut telah membawa kepada pengkajian unsur tarbiah iman yang menjadi dasar penting dalam setiap perlakuan manusia Islam. Unsur tarbiah iman yang dinyatakan di atas merupakan landasan pemikiran yang menjadi paksi pembentukan moral dan sahsiah seseorang individu. Dalam konteks ini, Ibnu Qayyim al-Jauziyah telah menyatakan dalam Hassan A. Yusuff (2019) bahawa “tercapainya tarbiah, maka ilmu harus bersumber dari manhaj (kurikulum) yang benar, iaitu al-Quran dan as-Sunah”. Selain itu, seorang guru harus memiliki akhlak dan adab-adab yang terpuji serta harus dipenuhi untuk dirinya sendiri, maupun adab terhadap muridnya.

Dalam hal ini, pendidikan merupakan salah satu komponen penting yang menjadi indikator atau penanda aras dalam menentukan jatuh bangun kegemilangan sesebuah tamadun. Situasi ini tidak terhenti di situ sahaja, malahan unsur tarbiah ini juga menjadi pemangkin dalam mewujudkan skala kerohanian yang sihat. Hal ini sangat signifikan untuk kelangsungan kejayaan yang bakal diraih oleh generasi muda pada masa hadapan. Justeru, melalui kajian ini, unsur tarbiah dalam novel *Bumi Cinta* telah diperincikan secara mendalam. Oleh yang demikian, perincian tersebut difokuskan kepada unsur tarbiah iman berdasarkan Teori Takmilah yang dikemukakan oleh Shafie Abu Bakar. Dalam penyelidikan, Hamidah Yusuf (2015, 32) telah menyatakan bahawa “teori berfungsi untuk membantu penyelidik dalam mengkonstruktifkan ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan pemboleh ubah yang digunakan”. Situasi ini berfungsi terutamanya untuk menjelaskan hubungan antara pemboleh ubah yang relevan untuk dikaji.

1. Prinsip Ketuhanan yang bersifat Kamal (sempurna)

Prinsip ketuhanan yang bersifat *Kamal* dimanifestasikan melalui unsur tarbiah iman yang menjurus kepada aspek mentadabbur kekuasaan Allah SWT. Dalam hal ini, tarbiah iman merupakan satu prinsip asas yang menjadi tulang belakang dalam pembentukan akhlak manusia. Dalam konteks ini, proses morfologi keimanan yang benar dan teguh telah mewajarkan satu bentuk didikan yang muraqabah sepenuhnya kepada Allah SWT. Oleh itu, tarbiah iman berfungsi untuk mendidik iman agar terpelihara. Justeru, Nabihah Nazri (2021) telah menyatakan bahawa tarbiah iman mampu membentuk satu kefahaman jitu dengan mentadabbur tanda-tanda kekuasaan Allah zat pencipta serta keluasan rahmat dan hikmah perbuatan-Nya. Sehubungan dengan itu, istilah iman itu sendiri mempunyai pengertian yang mendalam, iaitu ‘membenarkan’ (Alifia Fa, 2022). Justeru, perkataan ‘membenarkan’ itu disebut dalam al-Quran antaranya dalam Surah At-Taubah (9) ayat 62 yang bermaksud:

“Dia (Muhammad) itu membenarkan (mempercayai) kepada Allah dan membenarkan kepada semua orang yang beriman”

(Mushaf An-Nur Al-Qura'nul Karim)

Melalui novel *Bumi Cinta*, prinsip ketuhanan yang mendasari unsur tarbiah iman dapat dilihat melalui watak dan perwatakan Muhammad Ayyas sewaktu menyampaikan ceramahnya pada satu seminar di Fakulti Kedoktoran MGU. Melalui intipati ceramah tersebut, Muhammad Ayyas telah mengemukakan satu fakta tentang konsep ketuhanan yang sebenar dan juga huraian yang jelas tentang aspek fahaman atheis. Hal ini dapat dilihat melalui petikan di bawah:

“Nietzsche adalah salah seorang di antara pemikir-pemikir yang terperangkap dalam atheism, iaitu pemikiran yang mengingkari adanya Tuhan. Sebelum kita mendalami pemikiran Nietzsche, kita harus tahu bahawa pemikiran atheism ini ada banyak jenisnya. Namun intipatinya Cuma ada satu, iaitu tidak mengakui kewujudan Tuhan. Antaranya ada yang dipanggil atheism materialism. Ini adalah atheism yang paling tua. Terdapat juga atheisme psikologi, atheism marxisme, atheisme eksistensialisme, juga atheisme neo positivisme. Tapi mohon maaf, saya tidak dapat menjelaskan secara terperinci jenis-jenis atheism di forum ini kerana waktu yang terbatas. Walau bagaimanapun, kita akan sama-sama mengupas pemikiran Nietzsche yang diketengahkan oleh Viktor Murasov.”

(*Bumi Cinta*, 2010: 412-413)

Berdasarkan petikan di atas, tarbiah iman berfungsi sebagai peneguh kepada jati diri dan sahsiah seseorang manusia. Di samping menjadi pemangkin dalam mewujudkan perilaku sosial yang terpuji. Dalam hal ini, prinsip ketuhanan yang bersifat *Kamal* memainkan peranan penting dalam aspek membina keperibadian secara holistik. Hal ini demikian kerana, tujuan utama pendidikan atau tarbiah adalah untuk mewujudkan nilai moral manusia yang disadari dan dilakukan dalam tindakan yang nyata (Ridwan, 2020). Dalam konteks novel ini, aspek tadabbur terhadap kekuasaan Allah wujud secara langsung melalui *atheisme psikologi* yang dikupas oleh Ayyas sewaktu bersarapan bersama Yelena dan Linor.

“Boleh dikatakan memang aneh, Ilmu Psikologi sepatutnya menguatkan lagi keimanan seseorang kepada Tuhan. Ini adalah kerana, ilmu psikologi adalah penjelajahan perasaan, batin, dan jiwa manusia. Semakin kenal manusia kepada dirinya sendiri, seharusnya dia semakin dekat dengan Tuhannya. Pepatah Arab ada mengatakan, Man ‘arofa nafsahu ‘arofa Rabbahu, yang bererti, ‘siapa yang mengenal dirinya pasti mengenal tuhannya’.

(*Bumi Cinta*, 2010: 483)

Berdasarkan petikan di atas, konsep ketuhanan telah dimanifestasikan dalam konteks hubungan manusia dengan Allah melalui cetusan ilham dalam emosi manusia yang dianugerahi Allah SWT. Dalam hal ini, pemahaman yang mendalam terhadap Ilmu Kalam merupakan satu dominator yang akan membawa seseorang individu tersebut kepada cabang-cabang ilmu pengetahuan yang lain secara drastik. Hal ini telah ditegaskan melalui firman Allah SWT dalam Surah Ali ‘Imran (3) ayat 190-191:

“Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, dan silih bergantinya malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang berakal. (Iaitu) orang-orang yang mengingati Allah sambil berdiri atau duduk atau dalam keadaan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata): “Ya Tuhan kami, tiadalah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia. Maha suci Engkau, maka peliharalah kami dari siksaan api neraka”.

(Mushaf An-Nur Al-Qur’anul Karim)

Melalui petikan di atas, dapat dirumuskan bahawa prinsip ketuhanan iaitu di bawah konsep hubungan manusia dengan Allah telah dimanifestasikan melalui unsur tarbiah iman secara tidak langsung dalam novel *Bumi Cinta*. Hal ini demikian kerana, dalam dunia pemikiran Islam, pencarian dan penghuraian berhubung metafizik tidak akan menemui jalan buntu kerana akal dipandu wahyu untuk mengenal Tuhan yang Maha Esa.

2. Prinsip kerasulan sebagai insan Kamil (sempurna)

Berdasarkan prinsip kedua Teori Takmilah, iaitu sifat *Kamil* Rasulullah dikorelasikan dengan sifat *Kamal* Allah SWT yang Maha Sempurna. Dalam hal ini, tarbiah iman melalui aspek menundukkan hawa nafsu memainkan peranan penting dalam membina nilai moral yang tinggi. Melalui pengaplikasian akal dan pemikiran yang kompeten dalam pelbagai situasi, tarbiah iman merupakan satu keyakinan yang tertanam dalam diri seseorang tentang kehidupan dan kematian. Dalam hal ini, kedua-dua elemen tersebut berada dalam genggaman Allah SWT (Shalih Hasyim, 2022). Justeru aspek keimanan yang mendalam merupakan satu mekanisme penting dalam konteks terbinanya insan *Kamil*.

Abdul Ghaffar Mahmud telah menyatakan dalam Faie Faizah (2013) bahawa pendidikan merupakan perkara utama yang berupaya mempengaruhi pembangunan diri individu dan menyediakan pelbagai peluang dalam mencorakkan kehidupan masa depan. Melalui novel *Bumi Cinta*, unsur tarbiah iman dapat dilihat melalui watak Ayyas yang cuba menguasai pemikirannya agar tidak terlalu terpengaruh dengan unsur negatif yang wujud di persekitarannya. Kesungguhan Ayyas menjaga pemikirannya dapat dilihat melalui petikan di bawah:

‘Inna lillah,’ Ayyas mengucap dalam hati. Dia merasa belum sampai ke Moskow pun dia sudah terjerat oleh fitnah kecantikan gadis muda Rusia. Ayyas tiba-tiba merasa berdosa pada Ainal Muna, gadis manis dari Kaliwungu Kendal yang sudah dipinangnya setelah berjanji setia kepadanya.

“Hei, diam saja Yas. Betulkan, standing dengan Kate Winslet?”

“Sudahlah Dev, kita berbual hal yang lain, jangan tentang perempuan saja!” tegas Ayyas lantas mengusir perasaan yang bukan-bukan dalam benaknya.

(Bumi Cinta, 2010: 30)

Persoalan tentang fikiran dan perasaan tidak akan lengkap tanpa diintegrasikan dengan perkataan “iman”. Hal ini demikian kerana, unsur fikiran dan unsur perasaan merupakan komponen penting yang sukar untuk disegregasikan, bahkan akan menimbulkan kekeliruan dalam proses untuk mengenal pasti kedua-dua elemen tersebut. Dalam konteks ini, Tamara Smith (2021) telah menyatakan bahawa perkataan fikiran atau pemikiran merupakan proses mental yang berlaku dalam minda dan bersifat berterusan, manakala perasaan pula merujuk kepada sentimen yang berlaku dalam hati seseorang mengenai sesuatu yang dilihat atau dibaca. Justeru, unsur tarbiah iman dalam novel *Bumi Cinta* dapat dilihat melalui peristiwa Yelena terbaring di hospital kerana dipukul oleh konco-konco Olga:

“Bukan aku. Sebenarnya yang menyelamatkanmu adalah Tuhan. Tuhan menghulurkan tangan bantuannya melalui Makcik Margareta. Dan Makcik Margareta mengajak saya. Awalnya saya juga merasa tidak percaya kepada Makcik Margareta. Tapi Tuhan telah membukakan hati dan fikiran saya untuk memenuhi pelawaan Makcik Margareta untuk menyelamatkan nyawa anak manusia.”

Yelena mendengar dialog Linor dan Ayyas dengan hati bergetar. Dia teringat Tuhan. Ya, Tuhan. Di tengah-tengah rasa putus asanya, ketika dia merasa nyawanya sudah sampai ke tekak, yang dipanggil-panggilnya untuk meminta pertolongan adalah Tuhan.”

(Bumi Cinta, 2010: 251)

Berdasarkan petikan di atas, prinsip kerasulan sebagai insan kamil merupakan satu wahana penting dalam mengidentifikasikan nilai tarbiah iman yang terkandung dalam novel *Bumi Cinta*. Seajar dengan itu, spektrum keimanan merupakan elemen terpenting yang menentukan kecemerlangan kehidupan seseorang manusia dalam pelbagai aspek. Hal ini turut diakui oleh Azah Safran (2021) bahawa dalam sesebuah masyarakat, nilai murni amat perlu diterapkan bagi mewujudkan suasana yang seimbang dari segi rohani dan jasmani. Usaha penerapan nilai murni perlu dilakukan pada peringkat awal proses sosialisasi, iaitu semasa individu itu berada pada peringkat persekolahan, selain penerapan nilai yang diterapkan oleh ibu bapa di rumah.

3. Prinsip keislaman yang bersifat Akmal (sempurna)

Berdasarkan prinsip ketiga Teori Takmilah, manifestasi hubungan Takmilah dengan Islam sebagai ad-Din merupakan satu sinergi yang konkrit. Melalui prinsip ketiga ini jelas menunjukkan sinergi antara akidah dengan syariat yang berfungsi dalam membina akhlak islamiah secara menyeluruh. Melalui prinsip keislaman ini, unsur tarbiah iman telah dimanifestasikan secara langsung melalui novel *Bumi Cinta* berdasarkan pengamatan terhadap garapan peristiwa yang dihidupkan oleh watak-watak di dalamnya. Melalui novel ini, mekanisme tarbiah iman dipaparkan melalui petikan di bawah:

Yelena tidak dapat menahan dirinya dari berkata sesuatu kepada Ayyas. Maka dengan rasa sakit yang luar biasa dia memaksa dirinya untuk bercakap.

“Ay...yas!” bisiknya parau.

Ayyas tersentak dari diamnya. Seluruh wajahnya serta merta berpaling menghadap wajah Yelena sambil mendekati kepalanya ke kepala Yelena.

“S...spa ...si...ha...bal...shoi” Kata-kata itu akhirnya dapat juga keluar dari mulut Yelena. Wajahnya sedikit bersinar dan ceria.

“Tidak perlu berterima kasih untuk sebuah kewajiban, Yelena. Manusia memang harus tolong menolong. Sudah menjadi kewajibanku menolongmu.”

(Bumi Cinta: 2010: 255)

Berdasarkan petikan di atas, unsur tarbiah iman telah diterapkan melalui watak Ayyas yang berusaha menolong Yelena yang hampir terbunuh dan dibawanya ke hospital. Dalam konteks tarbiah iman, peribadi yang mulia didukung oleh adab dan keluhuran budi pekerti yang menjadi mercu tanda keimanan serta keislaman seseorang individu. Dalam hal ini, Hamka (2017) telah menyatakan bahawa adab terbahagi kepada dua bahagian, pertama adab di dalam, dan kedua adab di luar. Adab di luar ialah kesopanan pergaulan, menjaga perilaku pada pandangan orang. Adab di luar itu berubah menurut perubahan tempat dan bertukar menurut pertukaran zaman.

Dalam hal ini, pendidikan iman merupakan satu asas yang paling dominan dalam membentuk dimensi sosial seseorang individu. Oleh yang demikian secara sedarnya individu yang beriman bersedia memikul tanggungjawab untuk menyumbang demi kepentingan negara secara khusus. Justeru, konsep bimbingan terarah dalam konteks tarbiah iman ini telah mewujudkan satu kontingensi tingkah laku positif yang mencerminkan kewibawaan seseorang individu dalam pelbagai situasi. Sehubungan dengan itu, karya sastera yang bermutu berfungsi mentakmilahkan pembacanya dalam pelbagai aspek. Melalui prinsip ketiga Teori Takmilah, sastera merupakan medium pelengkap dalam memperindah Islam sebagai agama yang syumul.

4. Prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat Takmilah (menyempurnakan)

Prinsip Teori Takmilah yang keempat merupakan satu konsep menyempurnakan keberadaan atau kewujudan medan sastera sebagai medium penyampaian ilmu. Melalui prinsip ini, medan penyampaian ilmu yang berkesan telah disinergikan berdasarkan unsur tarbiah iman. Tarbiah iman merupakan satu pendekatan yang memaparkan tanggungjawab sosial serta memperincikan peranan seseorang individu dalam sesebuah masyarakat. Dalam hal ini, pertumbuhan dan perkembangan intelek seseorang individu tersebut sebenarnya bermula dengan kebolehan seseorang itu dalam mengintegrasikan dan menggunakan maklumat baharu yang diperolehi secara holistik. Menurut Sharifah Awiah Al-Sagoff (1988), “pendidikan dan pengajaran merupakan satu usaha untuk memudahkan pertumbuhan dan perkembangan intelek atau pembelajaran dengan menggunakan berbagai-bagai cara”.

Seterusnya, berdasarkan penelitian yang dilakukan terhadap novel *Bumi Cinta*, konsep tarbiah iman dapat dilihat menerusi pembentangan yang dilakukan oleh Ayyas selaku penceramah jemputan dalam seminar yang dianjurkan oleh pihak MGU. Melalui seminar tersebut, Ayyas telah mengemukakan pandangan yang bernas dan membahaskan tentang konsep ketuhanan sehingga mengagumkan para peserta seminar yang hadir.

“Tetapi apa yang terjadi sebenarnya bukanlah seperti itu. Peringkat yang ingin dicapai oleh manusia ternyata selalu mundur seiring dengan kemajuan yang dicapai oleh ilmu pengetahuan. Suatu masalah dapat ditangani, masalah lain pula yang muncul. Begitulah seterusnya! Maka selamanya manusia tidak akan dapat mencapai peringkat itu. Ilmu pengetahuan tidak dapat menentukan dengan tepat bila waktunya gempal akan terjadi. Kalau pun dapat menentukannya, ilmu pengetahuan tetap juga tidak dapat menolak terjadinya gempal. Begitu juga untuk selamanya manusia tidak akan dapat melepaskan diri dari proses penuaan dan kematian.”

(Bumi Cinta: 2010: 416)

Hujah-hujah yang dikemukakan oleh Ayyas melalui petikan di atas merupakan satu refleksi prinsip ilmu yang diterapkan ke dalam tarbiah iman iaitu satu prinsip konkrit untuk mentarbiahkan anggota masyarakat umum yang masih terkeliru tentang ilmu dan tentang ketuhanan. Seterusnya, konsep tarbiah yang dimaksudkan di sini ialah satu proses berpanjangan dalam mencapai tahap keilmuan yang mampu membentuk satu masyarakat berbudaya yang berasaskan ilmu pengetahuan. Dalam hal ini, ilmu menghubungkan antara domain pengetahuan yang yakin dengan domain hakiki yang bertepatan dengan realiti dan keyakinan tersebut. Dalam hal ini, Mat Rofa Ismail (2015: 36) menjelaskan bahawa pengetahuan yang bertaraf ilmu membawa manusia mengiktiraf realiti dirinya sebagai makhluk Ilahi, lalu tertanamlah keimanan yang kukuh dalam hati sanubari. Dalam konteks tarbiah iman, Allah telah berfirman dalam Surah An-Nisaa’ (4) ayat 36 yang bermaksud:

“... dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, jiran tetangga yang dekat, jiran tetangga yang jauh, orang musafir yang terlantar dan juga hamba yang kamu miliki”.

(Mushaf An-Nur Al-Qura'nul Karim)

Melalui petikan di atas, penyampaian ilmu merupakan satu tanggungjawab sosial yang bertujuan untuk membina keakraban hubungan ukhwa antara anggota masyarakat. Di samping itu, penyampaian ilmu juga menitikberatkan penguasaan kemahiran somatik untuk mengembangkan nilai moral dan memahami kepelbagaian budaya dalam lingkungan sosial masyarakat berbilang kaum. Keadaan ini telah mencetuskan nilai kesedaran tentang kepentingan interaksi sosial dalam kalangan anggota masyarakat tentang hak dan kepentingan bersama. Situasi ini telah digambarkan melalui watak Makcik Margareta sewaktu berusaha untuk meyakinkan Ayyas supaya menolong seorang perempuan yang tercedera.

“Tolong berhenti. Ada orang sedang tenat di sana. Kalau tidak ditolong dia akan mati!” kata perempuan tua itu dengan wajah cemas. Tangan kanannya menunjuk ke arah sebuah jalan yang sempit.

Ayyas melepaskan tangan perempuan tua itu perlahan-lahan, lalu mengisyaratkan yang dia tidak mahu. Ayyas tidak mahu melibatkan dirinya dalam hal yang tidak pasti. Apa lagi dia adalah orang asing. Dia tidak tahu orang yang katanya sedang tenat itu siapa dan tenat kerana apa.

“Tolonglah. Anda orang baik. Tolonglah orang yang sedang tenat itu. Tuhan akan memberkati hidup anda,” desak perempuan tua itu.

(Bumi Cinta: 2010: 223)

Petikan di atas menggambarkan tentang perilaku sosial yang positif melalui watak Makcik Margareta. Tanggungjawab sosial yang dipaparkan ini merupakan satu realiti yang sangat signifikan dengan situasi pada waktu tersebut. Justeru, unsur tarbiah iman yang berpaksikan ilmu dikemukakan dalam novel ini merupakan satu inti pati yang terhasil daripada spektrum ilmu dan sastera yang saling melengkapi. Justeru ilmu dan sastera merupakan kesepaduan yang simbiosis dalam mendiasporakan aspek pengetahuan kepada khalayak.

5. Prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat Takmilah (sempurna dan menyempurnakan)

Prinsip Teori Takmilah yang kelima menjelaskan tentang hubungan Takmilah dengan karya yang berciri estetik dan sempurna. Dalam konteks teori ini, ciri-ciri estetik yang dimaksudkan ialah memperlihatkan tahap keprihatinan manusia meneliti alam dan kehidupan ini untuk diterapkan ke dalam karya. Dalam hal ini, aspek maknawi dan aspek lahir berfungsi sebagai pelengkap yang mentakmilahkan sesuatu karya. Justeru situasi ini dapat dilihat sebagaimana yang termaktub menerusi al-Quran surah Al-Hajj (22) Ayat 5 yang bermaksud:

“... dan kamu lihat bumi ini kering, kemudian apabila kami turunkan air di atasnya, hiduplah bumi itu, suburlah dan menumbuhkan berbagai macam tumbuhan yang indah”

(Mushaf An-Nur Al-Quranul Karim)

Menerusi penelitian terhadap novel ini, unsur tarbiah iman yang berlandaskan rasa takut turut menjadi salah satu elemen penting dalam aspek penyampaian ilmu. Justeru, berdasarkan prinsip karya yang telah dinyatakan jelas menunjukkan bahawa unsur naratif yang dikemukakan dalam novel tersebut memmanifestasikan perasaan takut kepada Allah SWT. Kontingensi rasa takut ini diterapkan melalui watak-watak dan peristiwa yang dipaparkan. Dalam hal ini, kewujudan unsur tarbiah iman dalam novel ini bukan berfungsi sebagai satu naratif kecil yang melengkapkan medan fiksyen semata-mata, tetapi sebagai sumber pelengkap yang konstruktif dalam mengembangkan daya fikir pembaca. Justeru, unsur tarbiah iman dapat dilihat menerusi petikan di bawah:

Air mata Ayyas meleleh. Dia teringat akan wasiat seorang sahabat Nabi, Abu Bakar Ash Shiddiq ra. Kepada Umar bin Khattab ra menjelang wafatnya.

“Aku wasiatkan kepadamu semoga kau mahu menerimanya. Sesungguhnya Allah memiliki hak pada malam hari yang tidak diterima ketika dilaksanakan pada siang hari. Demikian juga Allah memiliki hak pada siang hari yang tidak diterima jika dilakukan pada malam hari. Sesungguhnya Allah tidak akan menerima amalan sunnah sebelum melaksanakan amalan wajib”.

Ayyas dicengkam ketakutan sekaligus kesedihan. Dia takut seandainya solat Subuhnya yang dilakukan tidak pada waktunya sama sekali tidak diterima oleh Allah Ta'ala. Jika solatnya tidak diterima Allah bagaimana nasibnya di akhirat kelak? Dia selalu mengingatkan dirinya sendiri bahawa menunaikan solat adalah amal kebajikan pertama sekali yang kelak akan dihitung Allah.
(*Bumi Cinta*: 2010: 245)

Berdasarkan novel, unsur tarbiah iman yang dipaparkan merupakan satu susunan kata-kata yang mendukung makna sehingga membentuk satu refleksi pemahaman ke dalam minda pembaca. Petikan di atas menjelaskan tentang tarbiah iman yang wujud melalui rasa kekesalan Ayyas terhadap kealpaannya sehingga melakukan solat subuh di luar waktu yang sepatutnya. Dalam konteks ini, Jumal Ahmad (2013) telah menjelaskan bahawa tanda-tanda iman yang sihat ialah kegelisahan hati dalam mencari keredaan Allah dan persiapan untuk bertemu dengan-Nya. Seajar dengan itu, situasi pergolakan perasaan yang dialami oleh Ayyas merupakan satu intensiti kejiwaan yang sangat mengganggu fikiran beliau, sehingga telah mewujudkan unsur ketakutan dan kesedihan yang mendalam. Seterusnya, Allah telah berfirman dalam Surah Al-An'am (6) ayat 15 berkenaan dengan emosi takut yang wujud dalam kalangan manusia, yang bermaksud:

“Katakanlah: Sesungguhnya aku takut akan azab hari yang besar (hari kiamat) jika aku mendurhakai Tuhanku”

(Mushaf An-Nur, Al-Quranul Karim)

Melalui petikan tersebut, dapat dirumuskan bahawa perasaan takut merupakan salah satu bentuk emosi yang dikolerasikan dengan aspek sebab dan akibat. Seajar dengan itu, aspek penyebab dan implikasi yang akan dihadapi berfungsi sebagai satu tarbiah secara tidak langsung. Sehubungan dengan itu, tarbiah membentuk keperibadian sehingga mengimplikasikan penerapan konsep tarbiah iman yang sebenar ke dalam hala tuju pemikiran seseorang individu. Secara semantikanya, tarbiah yang sebenar ialah keupayaan suatu sistem atau institusi pendidikan melahirkan generasi berkualiti dan beradab sebagaimana yang telah digariskan.

Dalam konteks novel ini, makna lahir dikomposisikan melalui watak Ayyas yang mendukung aspek keimanan yang kental. Manakala makna maknawi pula diliterasikan melalui garapan tema yang menarik dan menginsafkan pembaca. Selain itu, idea dan mesej yang disampaikan melalui novel ini juga amat bertepatan dengan prinsip kelima teori ini iaitu mengkonstruktifkan ciri estetik untuk menjadikan sesebuah karya itu bersifat *Takmilah* (Kamariah Kamarudin, 2011)

6. Hubungan Takmilah dengan pengkarya yang mengistimakan (menyempurnakan) diri

Berdasarkan prinsip keenam Teori Takmilah, penekanan disasarkan kepada kewajiban bagi seseorang pengkarya dalam menghasilkan satu karya yang sempurna dan berwibawa. Di samping berupaya membentuk sakhshiah para pembaca ke arah perspektif hidup yang lebih baik. Dalam konteks kajian ini, unsur tarbiah iman yang berlandaskan aspek menyeru ke arah kebaikan dan menentang kemungkar merupakan salah satu elemen penting yang mencakupi keseluruhan aspek pendidikan dalam erti kata yang sebenar. Hal ini demikian kerana, kesedaran aspek tarbiah iman ini, merupakan satu tanggungjawab sosial yang sangat signifikan dalam dunia pendidikan. Seajar dengan itu, melalui novel *Bumi Cinta*, pengkarya telah menggambarkan secara tidak langsung tentang perilaku sosial yang tidak terpinpin melalui watak Linor Lazarenko dan Sergei Gadotov:

Ayyas langsung memalingkan mukanya dan beristighfar sebanyak-banyaknya. Di atas sofa Linor sedang bergomol dengan seorang lelaki kulit putih dan melakukan perkara yang diharamkan oleh semua agama. Tubuh Ayyas terus menjadi kaku. Dia tidak tahu apa yang harus diperbuatnya.

“Hei kawan! Kenapa berdiri saja di situ, kemarilah!” Lelaki berkulit putih itu menyapanya dan terang-terangan mengajaknya berbuat dosa besar yang tidak pernah dibayangkannya sama sekali.
(Bumi Cinta: 2010: 148)

Petikan di atas memaparkan tentang perilaku sosial yang bertentangan dengan tuntutan semua agama di dunia. Namun kedangkalan dan kejahilan pemikiran manusia di samping runtuhnya institusi kemanusiaan, telah mengimplikasikan kehidupan bebas di luar batasan beragama. Justeru, tarbiah iman secara langsungnya menjelaskan tentang norma dan konvensi yang telah digariskan berdasarkan tuntutan moral serta akal yang sihat. Di samping itu, tarbiah iman ini juga berfungsi untuk mengatur hidup manusia agar lebih tersusun dan menepati garis panduan sebagaimana tuntutan agama. Dalam hal ini, penentangan terhadap keruntuhan moral ini telah dimanifestasikan melalui watak Ayyas yang berusaha menyuarkan ketidakpuasan hatinya terhadap insiden tersebut.

“Hei syaitan busuk, jaga mulutmu! Ingat, sekali lagi aku melihat kalian melakukan perbuatan keji seperti binatang di ruang tamu ini, aku pecahkan kepala kalian! Kalau mahu melakukan perbuatan keji itu, pergilah ke kandang babi, jangan mengotorkan ruang tamu ini! Ruang tamu ini hanya untuk manusia, bukan untuk babi-babi kurap seperti kalian”

(Bumi Cinta: 2010: 151)

Melalui petikan di atas, unsur tarbiah iman merupakan satu dominator yang dihidupkan dalam watak Ayyas. Perbincangan tentang aspek tingkah laku psikososial ini tidak terhenti di sini, tetapi melangkaui tahap kehidupan remaja yang masih berada di bangku persekolahan. Dalam konteks tarbiah iman yang terdapat dalam novel ini, Islam mendidik individu agar menjauhi perbuatan zina dengan menyatakan hukuman dan akibat berzina (Siti Suhaila Ihwani, 2017). Implikasi daripada perbuatan zina akan menyebabkan keruntuhan sistem nilai sesuatu masyarakat dan bangsa. Dalam hal ini, pengharaman zina jelas dinyatakan dalam Al-Quran, Surah Al-Isra' (17) ayat 32:

“Dan janganlah kamu mendekati zina; sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan keji dan suatu jalan yang buruk”

(Mushaf An-Nur Al-Qura'nul Karim)

Berdasarkan petikan di atas, perbuatan zina merupakan satu kerosakan secara total. Dalam konteks tarbiah iman ini, maklumat dan isu yang komprehensif telah diketengahkan oleh pengkarya secara tidak langsung untuk mewujudkan kesedaran literasi dalam masyarakat tentang sesuatu yang dianggap tabu untuk dibincangkan secara terbuka. Dalam hal ini, tarbiah iman merupakan satu konsep terpimpin dan berpandu sehingga mewujudkan sifat malu menurut perspektif Islam. Secara ilmiahnya, sifat malu merupakan satu benteng yang cukup kukuh dan utuh untuk sesiapa sahaja kerana malu juga sebahagian daripada iman. Justeru malu dalam konteks ini melambangkan ketaatan kepada Allah SWT (Harlina Haliza Siraj, 2019). Sehubungan dengan itu, Kamariah Kamarudin (2011, 95) menyatakan bahawa keupayaan pengkarya menyuntik naratif tarbiah dalam novel ini mengekspresikan aspek mengistimakan diri dengan ilmu dalam menghasilkan karya yang sempurna.

7. Prinsip Khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil (sempurna)

Berdasarkan prinsip ketujuh teori Takmilah, manifestasi hubungan khalayak dengan pembaca merupakan satu spektrum insaniah dalam membentuk insan kamil. Pembentukan insan Kamil boleh dilakukan melalui medium bahan bacaan yang bersifat takmilah. Sejajar dengan itu, unsur tarbiah iman yang berlandaskan aspek penjagaan kesihatan merupakan salah satu komponen penting dalam pendidikan. Secara literalnya, penjagaan kesihatan ini difahami sebagai salah satu proses pembelajaran yang membantu perkembangan tingkah laku manusia dari segi jasmani, emosi, rohani dan sosial. Proses pembelajaran ini melibatkan aktiviti fizikal bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan-pengetahuan spesifik, kemahiran dan kefahaman untuk meningkatkan bakat semulajadi individu (Syida, 2012).

Sehubungan dengan itu, tarbiah iman dalam aspek penjagaan kesihatan ini dikenal pasti sebagai satu usaha untuk membentuk kesedaran dalam kalangan khalayak tentang kepentingan kesihatan berdasarkan pengambilan makanan bergizi yang diseimbangkan dengan aktiviti fizikal secara teratur.

Berdasarkan novel *Bumi Cinta*, penjagaan kesihatan diekspresikan secara langsung melalui budaya pemakanan masyarakat Rusia dan juga masyarakat Indonesia. Dari sudut geografi, wujud perbezaan yang ketara dalam aspek pemakanan antara kedua-dua negara tersebut kerana dipengaruhi oleh perbezaan iklim.

Ayyas memilih kotlety dengan sup, dua potong roti hitam, dan secawan teh panas. Sementara Doktor Anastasia Palazzo pula memilih kentang kukus yang kuning keemasan, sup borsch Rusia, dan teh panas. Ayyas mengunyah kotlety dengan sangat berselera. Sementara Anastasia pula menikmati kentang kukusnya dengan penuh khusyuk. Kadang-kadang dia mengambil potongan kentang lalu memasukkan ke mangkuk sup borsch. Kadang-kadang potongan kentang itu dia masukkan dulu ke mulutnya baru dia menyudu supnya. Kadang-kadang dia mengambil sepotong kecil kentang kukus lalu dimasukkan ke dalam mulutnya bersama roti lipyoshka yang ada di dalam sup borschnya itu. Anastasia benar-benar menikmati cara memakannya yang berbeza dari orang-orang Rusia secara amnya.

“Orang Rusia suka sekali makan kentang,” komen Ayyas sambil melihat hujung sudu Anastasia yang sedang mengangkat kentang kukusnya dari sup borsch

“Ya, kami orang Rusia sangat mencintai kentang. Satu hari tanpa kentang adalah penderitaan bagi orang Rusia. Orang Rusia tidak dapat hidup tanpa kentang. Kentang adalah kebanggaan orang Rusia, bahkan nyawa orang Rusia,” jawab Doktor Anastasia.

(Bumi Cinta: 2010: 266-267)

Petikan di atas menggambarkan secara jelas tentang tabiat pemakanan yang sihat. Sebenarnya pemakanan sihat bermula dengan pemilihan bahan mentah premium dan bebas dari unsur kimia yang memudaratkan kesihatan. Dalam hal ini, Doktor Anastasia Palazzo sangat mementingkan kesihatan, situasi ini dapat dilihat melalui sikap selektifnya yang menolak sebarang bentuk minuman keras termasuklah *vodhka*. Seterusnya budaya pemakanan masyarakat Indonesia pula tertakluk kepada iklim dan juga perubahan suhu yang sangat berbeza dengan masyarakat Rusia, umumnya makanan ruji masyarakat Indonesia ialah nasi.

Dia masih ingat betul kejadiannya. Kira-kira pukul 9 pagi hari Selasa, dia dan teman-teman sekelasnya baru sahaja selesai bersenam. Waktu itu, dia diminta oleh Pak Kiyai Lukman untuk membelikan empat bungkus nasi sambal tumpang, lengkap dengan tempe gembus gorengnya. Katanya untuk dibuat jamuan istimewa untuk seorang teman lama Pak Kiyai dari Surabaya, yang kalau ke Pesantren Kajoran pasti menanyakan nasi sambal tumpang itu.

(Bumi Cinta: 2010: 96-97)

Justeru, budaya hidup sihat yang merangkumi aspek pemakanan dan aktiviti fizikal seperti bersenam merupakan satu komponen penting dalam konteks pembangunan makrobiologi manusia. Dalam hal ini unsur tarbiah iman yang ditekankan merujuk kepada satu prinsip abstrak yang membentuk keseluruhan keperibadian seseorang individu secara holistik. Secara umumnya, budaya hidup sihat merupakan satu konsep ibadah dalam konteks yang lebih luas dan tidak dihadkan kepada ibadah khusus sahaja. Berdasarkan petikan novel di atas, pemilihan makanan yang menjadi makanan utama bagi sesebuah negara juga merupakan citra tarbiah iman secara tidak langsung.

Tarbiah iman berlandaskan penjagaan kesihatan dalam novel ini bukan sahaja tertumpu pada aspek pemakanan, tetapi merangkumi aspek riadah yang sangat digalakkan dalam Islam. Namun riadah yang dikemukakan di sini lebih difokuskan kepada seni mempertahankan diri sebagaimana yang dipelajari Ayyas sewaktu berada di Madinah. Dalam konteks seni mempertahankan diri yang diselitkan dalam novel ini, boleh ditakrifkan sebagai satu amalan kehidupan yang membawa impak positif kepada diri seseorang, keluarga dan masyarakat (Saupi Mamat, 2012). Amalan gaya hidup sihat ini, merangkumi pelbagai perspektif antaranya ialah membudayakan seni mempertahankan diri, dan pemahaman yang mendalam tentang impak sesuatu gerakan terhadap keupayaan tubuh untuk

menerimanya. Melalui novel ini, gerakan dalam seni mempertahankan diri *Thifan Po Khan* telah dimanfaatkan sepenuhnya oleh Ayyas untuk melumpuhkan Sergei yang telah menyerangnya.

Ayyas duduk melepaskan penat di sofa ruang tamu. Dia tidak tahu apa yang akan terjadi selanjutnya. Yang jelas dia telah mengajar lelaki Rusia yang kurang ajar itu. Dia tidak tahu apakah Sergei akan selamat dari pukulannya atau tidak. Ini adalah kerana, selama ini dia hanya pernah berlatih menggunakan pukulan itu dan tidak pernah benar-benar menggunakannya pada manusia. Dia sebenarnya tidak ingin menggunakan pukulan tenaga dalaman itu, tetapi di saat itu dia sangat terdesak. Jika dia tidak melumpuhkan Sergei, sebaliknya dia yang akan dilumpuhkan ataupun bahkan dibunuh.

(*Bumi Cinta*: 2010: 156)

Dalam konteks seni mempertahankan diri, *Thifan Po Khan* yang terkandung dalam novel ini, seni tersebut merupakan salah satu aliran wushu atau Kungfu yang dibentuk oleh muslim Thifan dan dikhususkan untuk golongan bangsawan (Thifan Po Khan: 2018). Seterusnya keunikan perkataan *Thifan Po Khan* secara literalnya bermaksud ‘kepala tangan bangsawan’ yang menunjukkan konotasi kehebatan seni mempertahankan diri yang dimiliki oleh suku kaum Cina muslim di dataran Thifan di Turkistan Timur (sekarang berada dalam wilayah China sepenuhnya) dikenali sebagai Sin Kiang yang bermaksud Negeri Baru (Thifan Po Khan, 2010).

Berdasarkan prinsip khalayak yang terdapat dalam prinsip ketujuh Teori Takmilah ini, wujud hubungan simbiotik antara khalayak dengan pembaca. Sinergi unsur tarbiah dengan prinsip ini telah mewujudkan satu hubungan yang signifikan dalam aspek insaniah secara konstruktif. Namun situasi ini tidak terhenti di sini sahaja, dimensi ilmu pengetahuan terlalu dinamik dan autoriti magnitudnya melangkaui keupayaan akal budi manusia untuk mentafsirkannya. Dalam konteks ini, manusia sebagai makhluk yang diisbatkan dengan kelebihan akal fikiran merupakan pemegang wasilah dalam melestarikan budaya keilmuan dan memartabatkan budaya tersebut.

Sejajar dengan penelitian yang dilakukan, unsur tarbiah iman merupakan satu kemuncak ilmu yang mendominasi keseluruhan nilai tarbiah yang wujud. Justeru, melalui novel ini, tarbiah iman merupakan tulang belakang yang menjadi dasar keilmuan seterusnya dasar dalam kehidupan. Hal ini demikian kerana, kemuncak kejayaan dan kebahagiaan hidup manusia di dunia juga di akhirat bertitik tolak dari nilai keimanan yang dimilikinya. Sejajar dengan itu, tarbiah iman yang terkandung dalam novel ini mencitrakan ketakmilahan karya di samping mengintegrasikan khalayak dengan ilmu pengetahuan untuk memujuk mereka menjadi insan *Kamil*.

Berdasarkan penganalisan novel *Bumi Cinta*, dapat dirumuskan bahawa novel ini merupakan satu refleksi sosial tentang manusia dan kehidupan yang resiprokal sifatnya. Justeru, gagasan teori dan konsep tarbiah yang digunakan dalam kajian ini telah memformulasikan satu konsep ilmu pengetahuan tentang pendidikan yang bersifat radikal dan berautoriti. Konsep ilmu pengetahuan yang dimaksudkan ialah satu garis panduan yang menepati keperluan sosialisasi manusia pada peringkat awal proses literasi sehingga ke peringkat yang lebih tinggi.

KESIMPULAN

Merujuk kepada analisis di atas, novel *Bumi Cinta* menepati gagasan Teori Takmilah yang dikemukakan oleh Shafie Abu Bakar. Penerapan unsur tarbiah iman yang dikemukakan merupakan satu kombinasi yang mantap dalam konteks pendidikan berteraskan ilmu tauhid. Seterusnya prinsip tarbiah yang diutarakan menjadi dasar penting dalam pembinaan sahsiah diri individu dari pelbagai sudut. Berdasarkan kajian ini, keseluruhan prinsip Teori Takmilah dan tarbiah iman yang diterapkan dalam novel *Bumi Cinta* selaras dengan isi kandungan novel.

Dalam kajian ini, tuntutan hidup dan kepelbagaian budaya telah mewujudkan hubungan resiprokal antara ilmu dengan amal yang seterusnya menghasilkan asas keimanan secara tidak langsung. Asas keimanan ini berfungsi sebagai pengukuh dan membentuk landasan yang kuat untuk membina nilai serta etika terpuji dalam sahsiah diri individu. Keutuhan nilai seseorang, sama ada baik atau buruk, berkait rapat dengan sistem pendidikan asas yang diterimanya. Hal ini demikian kerana, fitrah setiap insan dilahirkan adalah suci, namun persekitaran memainkan peranan penting dalam mencorakkannya.

Oleh itu novel *Bumi Cinta* merupakan sebuah karya mapan yang menepati aspek ketakmilahan sebagaimana yang telah dibincangkan. Sejalan dengan itu, novel ini juga berupaya menjadi medium pendidikan yang mantap dalam pelbagai aspek, selain menyebarkan falsafah kehidupan yang konkrit untuk khalayak pembaca. Ketakmilahan novel ini juga berupaya membawa minda pembaca ke dalam pengembaraan rohani yang selayaknya dialami manusia sebagai makhluk Allah SWT yang ahsani taqwim (sebaik-baik ciptaan).

RUJUKAN

- Abdul Halim Ali. (2014). *Teori Takmilah: Perluasan dan Penafsiran*. Persatuan Penulis Budiman Malaysia.
- Abdul Ghaffar Mahmud. (Dlm) Faie Faiezah. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025: Pendidikan Prasekolah hingga Lulusan Menengah*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Agus Hasan Mustofa. (2020). Peningkatan Iman dan Moral Anak Melalui Pembelajaran Aqidah Akhlak. *AL-IMAN: Jurnal Keislaman dan Kemasyarakatan*. Vol. 4, No. 1, 1-10.
- Alifia Fa. (14 Feb 2022). *Hubungan antara Iman, Ilmu dan Amal*. Scribd. <https://www.scribd.com>
- Amir Zaky Hamzah dan Che Abdullah Che Ya. (2019). Novel Ibnu Ahmad Al-Kurauwi: Manifestasi hubungan antara manusia dan khalifah di bumi Allah. *Jurnal Wacana Sarjana*. 3(1),1-14.
- Ann Jefferson dan David Robey (Ed) penterjemah Mokhtar Ahmad. (1988). *Teori Kesusasteraan Moden: Pengenalan secara Perbandingan*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia: Kuala Lumpur.
- Asma Kholilah Mohaiyuddin. (2018). Unsur-unsur Tarbiah dalam Karya Fathi Yakan. *Tesis Sarjana*. Universiti Sains Malaysia.
- Ayu Rifka Sitoresmi. (26 Jun 2023). *Pengertian Tarbiah, Makna dan Konsep Dasarnya dalam Islam*. [Liputan6.com](https://www.liputan6.com). <https://www.liputan6.com/hot/read/5329288/pengertian-tarbiyah-makna-dan-konsep-dasarnya-dalam-islam>
- Azah Safran. (2021). *Kepentingan Nilai-nilai Pendidikan*. [Academia.edu](https://www.academia.edu). <https://www.academia.edu/xxxxxxx>
- Ee Ah Meng. (1994). *Perkembangan dan Pelaksanaan Kurikulum*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Fathin Noor Ain Ramli, Azhar Haji Wahid. (2018). Pendidikan Sastera Melayu Memperkukuh Pembinaan Karakter Pelajar. *Jurnal Peradaban Melayu Jilid 13*, 1-14.
- H, Hamzah Ya'qub. (1981). *Publisistik Islam: Teknik Dakwah dan Leadership*. Bandung: Diponegoro. Diakses dari pada Salman Reading Corner: <https://www.salman.readingcorner.web.id>
- Hadijah Johari & Nor Shahida Mohd Shaker. (2019). *Rawatan Infertiliti Patuh Maqasid Al-Shari'ah dalam Novel Cinta In Vitro dari Perspektif Teori Takmilah*. *Asean Journal of Management and Business Studies*, 1(1), 1 - 32.
- Hamidah Yusuf, Jamal Yunus dan Khalip Musa. (2015). *Kaedah Penyelidikan Pengurusan Pendidikan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Hamka. (2017). *Falsafah Hidup*. Publishing House.
- Harlina Haliza Siraj. (25 Januari 2019). Terapkan Pendidikan Seks Ikut Kerangka Islam. *Berita Harian Online*.
- Hasan, A. Yusuf., & Luthfi Anis Muadz (7 September, 2019). *Pendidikan Islam Menurut Ibnu Qayyim dalam Kitab Al-Fikri At-Tarbawi 'Inda Ibni Al-Qayyim*. [Artikel Ilmiah]. UMY Repository <http://repository.umi.id>
- Helwa. (2010, November 14) Thifan Po Khan dan Tuanku Rao: *Kungfu Islam Seni Beladiri Harimau Nan Selapan Sewaktu Memerangi Belanda*. <https://lonelymusafir.wordpress.com/2010/11/14/thifan-po-khan-dan-tuanku-rao-kungfu-islam-seni-beladiri-harimau-nan-selapan-sewaktu-memerangi-belanda/>
- Jumal Ahmad. (16 Oktober 2013). *9 Jenis Tarbiyah Menurut Ibnul Qayyim Al Jauziyah*. <https://ahmadbinhambal.com>
- Kamariah Kamarudin. (2011). *Takmilah dalam Novel Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Ma'zumi, Syihabuddin dan Najmuddin. (2019). Pendidikan Dalam Perspektif Al-Quran dan Al-Sunnah: Kajian Atas Istilah Tarbiyah, Taklim, Tadris, Ta'dib dan Tazkiyah. Universiti Sultan Ageng Tirtayasa, Banten
- Mansor Sulaiman. (18 Okt, 2016). Pendekatan Tarbiyyah (Pendidikan) Menerusi Nas-Nas Al-Quran Berkenaan Sunnah Jatuh Bangun Tamadun Manusia: Satu Analisis. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 1(2), 1-12.
- Mat Rofa Ismail. (2015). *Mantik dan Etnomantik*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Mohd Faradi Mohamed Ghazali. (November 2017). *Bumi Cinta: Sorotan Takmilah dalam Karya Tauhid*. *Seminar Kebangsaan Bahasa dan Kesusasteraan Arab 2017*. Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia.

- Muh Dahlan Taib. (2022). Konsep Iman, Akal dan Wahyu dalam Al-Quran. *AL-ISHLAH, Jurnal Pendidikan Islam*. Vol. 20, (1), 9-29.
- Muh. Haras Rasyid. (2018). Konsep Pendidikan Islam dalam Maqasid Al-Syar'iah. *ASH-SHAHABAH, Jurnal Pendidikan dan Studi Islam*, Vol. 1 No. 2. 1-9. <https://doi.org/10.59638/ash.v1i2>
- Muhamad Khadafi Hj Rofie. (2015). Prinsip Etika Kerja Islam Menurut Al-Quran dan Al-Sunnah: Satu Penilaian Terhadap Karya Penulis Etika Kerja Islam di Malaysia. *Tesis Ijazah Kedoktoran*. Universiti Utara Malaysia.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah. (2020). *Faktor dan Kesan Murtad Masyarakat Melayu Menerusi Novel Tuhan Manusia Karya Faisal Tehrani: Satu Penelitian Takmilah*. Universiti Malaysia Kelantan.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah. (2021). *Penemuan Nilai-nilai Islam dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya dan Khalayak*. Universiti Malaysia Kelantan.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah, Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Nilai-nilai Kemanusiaan dalam Cerita Lisan: Satu Penelitian Takmilah. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*. Vol. 12, No. 1. 11-25.
- Nabihah Nazri. (2 Ogos 2021). *Jenis-jenis Tarbiah*. Slideshare a Scribe company
- Nur'A, Sugiati, M. Arya D, Wahyudi, Sinta R. (2020). At-Tarbiyah Sebagai Konsep Pendidikan dalam Islam. *INOVATIF: Jurnal Penelitian Pendidikan, Agama dan Kebudayaan*. Volume 6, No. (1), 88-104.
- Rahmatullah, A. (20 April, 2018). Thifan Po Khan, Kungfu Muslim Berusia 1000 Tahun. Pesantren Nuris Jember. <https://pesantrennuris.net/2018/04/thifan-po-khan-kungfu-muslim-berusia-1000-tahun/>
- Ridwan. (April, 2020). *Pendidikan Karakter Menurut perspektif Imam Ibnu Qayyim al-Jauziyah*. <https://doi.org/10.31219/osf.io/gscbu>
- Robiah Sidin. (1998). *Pemikiran dalam Pendidikan*. Shah Alam, Selangor: Penerbit Fajar Bakti.
- Rosnani Md Zain, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi. (2019). Unsur Sains dan Sastera dalam Novel Remaja Terpilih. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, Jilid 10, 166-182.
- Rosnani Ripin. (2017). *Takmilah Novel Seteguh Fikrah Saleha, Karya Aminah Mokhtar*. Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra.
- Sa'id Abu Ukkasyah. (13 Ogos 2023). *Hakikat Iman menurut Manhaj Ahli Sunah*. Muslim.or.id
- Saupi Mamat. (17 Disember 2012). *Amalan Gaya Hidup Sihat*. Scribd. <https://www.Scribd.com>
- Shafie Abu Bakar. (29 Mac 2014). *Pengantar kepada Buku Teori Takmilah: Perluasan dan Penafsiran* drshafie.blogspot.com
- Sharifah Alwiah Alsagoff. (1988). *Psikologi Pendidikan II: Psikologi Pembelajaran dan Kognitif, Bimbingan dan Kaunseling*. Siri Maktab Perguruan: Longman.
- Siti Nur Anis Muhammad Apandi et al., (2022). Pemaparan Jenis Akhlak Menerusi Kumpulan Puisi As-Salam Karya Suhaimi Haji Muhamad Berdasarkan Teori Takmilah. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, Jilid 13 No. 1, 47-57.
- Siti Suhaila Ihwani et al. (2017). *Pengajaran Elemen Pendidikan Seks dalam Pendidikan Islam*. Universiti Teknologi Malaysia. Studocu.com
- Syarifah Salha Syed Ahmad. (2019). *Analisis Teori Takmilah Fara'id Al-Fawa'id Al-Fikr Al-Imam Al-Mahdi karangan Syeikh Daud Al-Fatani*. Institut Peradaban Melayu. Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tanjung Malim. UPSI Digital Repository <https://ir.upsi.edu.my>
- Syed Muhammad Shahrizal. (5 April 2017). *Pembentukan Akhlak Mulia*. Scribd. <https://www.scribd.com>
- Syida. (19 Jun 2012). *Apakah Yang Dimaksudkan dengan Pendidikan Jasmani*. Scribd. <https://fr.scribd.com>
- Tamara Smith. (21 Januari 2021). *Perbezaan Antara Pemikiran dan Perasaan*. StrephonSays. <https://ms.strephonsays.com>
- Tim Humas. (3 Dis, 2022). *Tarbiyah, Taklim, dan Ta'dib*. Universiti Islam An-Nur Lampung. <https://an-nur.ac.id>
- Zaidi Ahmad, Azhar Abd Wahid dan Abd Halim Ali. (2020). Kerasulan Insan Kamil Membentuk Modal Insan dalam Novel Imam. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*. 8 (2), 16-27.